

Dikemaskini 2024



KELUARGA SELAMAT

Buku panduan untuk menyokong mangsa keganasan rumah tangga

Sebuah inisiatif Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang



PENANG
2030

 **WCC**
Women's Centre for Change

Terbitan

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)

241, Jalan Burma,
10350 Pulau Pinang.

☎ 04-228 0342 ☎ 011-3108 4001

🌐 www.wccpenang.org      WCC Penang

Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)

13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.

☎ 04-398 8340 ☎ 016-439 0698

Tajaan

Embassy of the Netherlands

Penulis

Prema E. Devaraj

Penterjemah

Shazni Bhai & Hajar Abdul Rahim

Penyunting

Salma Farhanah A. Rasid & Hastiny Subramaniam

Pelukis

Azmi Hussin

Susun Atur

C-Square Sdn Bhd, Penang

Cetakan

Phoenix Printers Sdn Bhd

ISBN No: 978-967-16908-2-6

Hak cipta © 2020, Women's Centre for Change, Penang

Dikemaskini 2024

Hak Cipta Terpelihara

Buku panduan ini boleh dibuat salinan, dihasilkan semula atau diubahsuaikan mengikut keperluan individu atau kumpulan dengan memberi pengiktirafan kepada Women's Centre for Change, Penang.

KANDUNGAN

Prakata oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang	2
Kata Pengantar oleh YB Puan Chong Eng, Mantan EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam	3
Kata Pengantar oleh YB Lim Siew Khim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam	4
1.0 Pengenalan	5
2.0 Apa Itu Keganasan Rumah Tangga?	7
3.0 Apakah Jenis Keganasan Rumah Tangga?	8
4.0 Mengapa Keganasan Rumah Tangga Berlaku?	9
5.0 Bagaimana Keganasan Rumah Tangga Berlaku?	
Kitaran Keganasan	11
Memutuskan Kitaran Keganasan	13
6.0 Mengenal Pasti Mangsa Keganasan Rumah Tangga	14
7.0 Membantu Mangsa Keganasan Rumah Tangga	
Apa Yang Anda Boleh Lakukan	16
Apa Yang Tidak Boleh Dilakukan	19
Bercakap Dengan Mangsa Keganasan Rumah Tangga Dan Membantunya	21
8.0 Mendapatkan Bantuan Untuk Mangsa Keganasan Rumah Tangga	
Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	23
Mendapatkan Bantuan Daripada Agensi	24
Polis	25
Jabatan Kebajikan Masyarakat	28
Hospital Kerajaan	30
Jabatan Agama Islam	31
Badan Bukan Kerajaan (NGO)	31
Bantuan Guaman	32
9.0 Senarai Agensi di Pulau Pinang	33

PRAKATA

**Oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow,
Ketua Menteri Pulau Pinang**



Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengakui kepentingan keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat kita. Ikatan kekeluargaan yang utuh dapat melahirkan generasi masa hadapan dan seterusnya, mewujudkan komuniti yang kuat secara keseluruhannya. Malangnya, terdapat lebih 5,000 kes keganasan rumah tangga dilaporkan setiap tahun di Malaysia, dan banyak lagi yang tidak dilaporkan. Ahli keluarga yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, terutamanya wanita dan kanak-kanak akan lebih menderita, baik secara mental mahupun fizikal.

Lantaran itu, Kerajaan Negeri memainkan peranan penting untuk menangani isu berkaitan keganasan rumah tangga dan berharap ia dapat memberi kesedaran dalam membantu menghapuskan keganasan di rumah. Dasar Keluarga Selamat 2020 Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkongsi penekanan dan matlamat kehidupan berkeluarga yang sama dengan rakyatnya seperti yang dinyatakan dalam Visi Penang2030.

Kerajaan Negeri berharap agar semua keluarga mampu melaksanakan fungsi asas mereka kerana ia sangat penting demi kesejahteraan emosi dan keperluan fizikal individu dalam keluarga tersebut. Hal ini membantu pembentukan rumah tangga yang lebih kondusif di mana setiap ahli keluarga menikmati serta membina ikatan kekeluargaan yang positif melalui kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya. Saya amat percaya bahawa sekiranya sesuatu perkara itu dilakukan dengan betul pada peringkat keluarga, ia akan memberi manfaat lebih besar terhadap pembangunan negara.

Penjenamaan dan penstrukturan semula Portfolio Pembangunan Sosial dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan terus memainkan peranan yang penting bagi membina dasar untuk keluarga agar dapat melaksanakan fungsi asasnya dan mencapai kesejahteraan semua. Dasar Keluarga Selamat 2020 pasti menjadi salah satu daripadanya. Marilah kita semua berusaha dalam mencapai cita-cita untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Hijau dan Pintar Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

November 2020

KATA PENGANTAR

**Oleh YB Puan Chong Eng,
Mantan EXCO Pembangunan Sosial dan
Hal Ehwal Bukan Islam**



Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil suatu pendekatan terhadap peningkatan kes keganasan rumah tangga dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menubuhkan “Khidmat Sokongan Pertama” (*First Support Points*) melalui Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang yang julung kali diperkenalkan. Kumpulan bagi *First Support Points* ini adalah terdiri daripada agensi kerajaan negeri, pusat khidmat wakil rakyat negeri, organisasi keagamaan, pemimpin masyarakat dan organisasi bukan kerajaan berasaskan kemasyarakatan yang membantu memastikan mangsa keganasan rumah tangga selamat dan mempunyai akses perlindungan.

Kami juga mengiktiraf dedikasi Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dalam menyediakan sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga sejak tiga dekad yang lalu serta sumbangan mereka dalam memberi latihan *First Support Points* kepada golongan lelaki dan perempuan bagi mengendalikan mangsa-mangsa tersebut.

Demi membendung keganasan rumah tangga, kita memerlukan usaha semua pihak dalam masyarakat dan saya percaya buku panduan ini merupakan langkah baik ke arah tujuan tersebut. Sangat penting untuk kita akui bahawa menangani mangsa keganasan rumah tangga bukan sahaja memerlukan ilmu pengetahuan mengenai keganasan tersebut tetapi juga sistem yang ada bagi membantu mangsa. Oleh itu, buku panduan ini memberikan maklumat berguna merangkumi komponen yang diperlukan oleh kumpulan khidmat sokongan *First Support Points* dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Dasar Keluarga Selamat adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membanteras keganasan dan menyediakan persekitaran yang selamat untuk rakyatnya, sejajar dengan Visi Penang2030. Dengan adanya dasar sebegini, ia juga mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bebas keganasan dan selamat.

November 2020

KATA PENGANTAR

**Oleh YB Lim Siew Khim,
EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan
Hal Ehwal Bukan Islam**



Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam menyediakan bantuan dan sistem sokongan yang kukuh untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga. Ini adalah kerana impak negatif keganasan rumah tangga bukan hanya kepada keluarga malah ianya memberi impak besar kepada masyarakat. Dengan memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat 5 tahun yang lalu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan kerjasama tiga pihak (tripartite) bersama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dalam pelaksanaan dasar bagi menyediakan kepelbagaian sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga di Pulau Pinang.


Penubuhan sistem sokongan First Support Point (FSP) di bawah dasar ini merupakan salah satu inisiatif perintis bagi memupuk persekitaran yang selamat bagi semua penduduk Pulau Pinang, selaras dengan Visi Penang2030 untuk masa depan yang bebas daripada keganasan. FSP merupakan saluran sokongan pertama dan mereka mempermudah akses bantuan awal dalam pengurusan kes keganasan rumah tangga yang diterima, serta menyediakan tempat perlindungan sementara yang selamat kepada mangsa pada saat mereka paling memerlukan. Sehingga bulan Jun 2024, seramai 498 FSP termasuk pegawai Polis Diraja Malaysia, agensi kerajaan negeri, pusat khidmat ADUN, institusi keagamaan, pemimpin komuniti, dan pertubuhan bukan kerajaan telah dilatih dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga.

Saya percaya Dasar Keluarga Selamat adalah bukti komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membasmi keganasan dalam semua bentuknya dan mewujudkan persekitaran yang selamat bagi warganya. Ini adalah simbol tekad kita untuk menubuhkan Pulau Pinang sebagai mercu tanda harapan, komuniti contoh di mana semua orang merasa selamat, dihormati, dan dilindungi.

Pihak Kerajaan Negeri juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada PWDC sebagai agensi pelaksana dan WCC sebagai pakar bidang di atas sokongan dan usaha sama bagi memastikan sistem khidmat sokongan ini mampu menyediakan bantuan yang lebih menyeluruh di peringkat komuniti.

Ogos 2024

1.0 PENGENALAN



Keluarga adalah asas kepada mana-mana komuniti. Keluarga yang sihat dan selamat bukan sahaja penting untuk kesejahteraan ahli keluarga, tetapi juga untuk komuniti dan masyarakat umumnya. Oleh yang demikian, keganasan dalam keluarga bukan sahaja mengancam kesejahteraan keluarga tetapi juga mempunyai kesan negatif terhadap komuniti.

Keganasan dalam keluarga adalah masalah global yang memberi kesan kepada berjuta-juta orang, terutamanya wanita dan kanak-kanak. Kesedaran dalam kalangan masyarakat semakin meningkat bahawa keganasan terhadap wanita, terutamanya keganasan rumah tangga, adalah isu kesihatan awam. Keganasan rumah tangga seringkali mengakibatkan kecederaan fizikal dan emosi, serta kematian. Di Malaysia, kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan mencatat 6,400 kes secara purata dari tahun 2020 ke 2022¹. Namun, seperti yang diketahui umum, bagi setiap kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan, masih banyak lagi yang tidak dilaporkan.

¹ <https://www.wccpenang.org/statistics-research/>

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar akan kesukaran yang dihadapi oleh kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan yang mereka perlukan daripada agensi-agensi yang berbeza. Ini termasuk mereka tidak tahu ke mana atau bagaimana untuk memohon bantuan dan ada kalanya mangsa terlalu segan atau takut untuk mendedahkan masalah keganasan rumah tangga mereka.

Keprihatinan terhadap masalah ini telah mendorong Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melancarkan Dasar Keluarga Selamat (SFP – *Safe Family Policy*) pada Julai 2020 dengan tujuan untuk meningkatkan bilangan kumpulan sokongan dan individu dalam komuniti yang boleh menyediakan bantuan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga bagi memastikan mereka selamat dan mendapat perlindungan. Kumpulan ini, yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan negeri serta kumpulan berasaskan komuniti dan agama, dinamakan sebagai “Khidmat Sokongan Pertama” (*First Support Points*), yang bertujuan untuk merapatkan jurang di antara mangsa keganasan rumah tangga dengan agensi yang ditubuhkan untuk membantu mereka.

Sebagai sebahagian daripada projek SFP, buku panduan ini menyediakan *First Support Points* dengan pemahaman asas mengenai keganasan rumah tangga dan juga maklumat tentang bagaimana untuk membantu dan merujuk mangsa keganasan rumah tangga kepada agensi yang paling sesuai untuk membantu mereka.

Buku panduan ini merangkumi topik-topik seperti berikut: apakah itu keganasan rumah tangga, jenis-jenis keganasan rumah tangga, mengapa keganasan rumah tangga berlaku, bagaimana keganasan rumah tangga berlaku, mengenal pasti mangsa keganasan rumah tangga, menyokong mangsa keganasan rumah tangga, mendapatkan bantuan untuk mangsa keganasan rumah tangga dan senarai agensi di Pulau Pinang.

Buku panduan ini terdapat dalam empat bahasa: Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Salinan buku panduan ini boleh didapati di pejabat WCC dan PPW dan dalam talian di laman web WCC: www.wccpenang.org/books/

2.0 APA ITU KEGANASAN RUMAH TANGGA?

Keganasan rumah tangga ialah satu perbuatan penderaan atau penderaan yang dilakukan secara berturutan oleh seorang ahli keluarga terhadap ahli keluarga yang lain. Di Malaysia, walaupun kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga (sebanyak 75%) adalah wanita, terdapat juga lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga². Statistik daripada pihak polis menunjukkan bahawa hampir separuh daripada kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan melibatkan penderaan suami ke atas isteri. Manakala separuh lagi melibatkan ahli keluarga (lelaki atau wanita) yang didera oleh kebanyakannya ahli keluarga lelaki³.



² Soalan Parlimen: Soalan 445: Rujukan 8748 (2016)

³ <https://www.nst.com.my/news/2016/03/133797/taboo-domestic-violence>

3.0

APAKAH JENIS KEGANASAN RUMAH TANGGA?

Keganasan rumah tangga boleh berlaku melalui pelbagai bentuk, bukan sekadar fizikal sahaja. Lazimnya, mangsa mungkin mengalami lebih daripada satu jenis keganasan.

Jenis	Contoh
Fizikal	Memukul, menumbuk, menampar, menendang, mencekik, membaling objek ke atas mangsa. 
Psikologi	Menjerit, mengugut untuk mencederakan mangsa, anak-anak atau haiwan peliharaan, menggunakan bahasa yang merendahkan mangsa, menyalahkan mangsa, merosakkan harta benda.
Kewangan	Mengehadkan kebebasan kewangan mangsa, menyimpan kad ATM mangsa, kerap meminjam wang daripada mangsa, membuat pinjaman menggunakan nama mangsa dan enggan membayar.
Sosial	Mengawal pergerakan mangsa, mengasingkan dan menghalang mangsa berhubung dengan ahli keluarga atau rakan.
Seksual	Menggunakan seks untuk mengawal atau mengaibkan mangsa, memaksa atau menakut-nakutkan mangsa untuk terlibat dalam perbuatan seksual yang dia tidak mahu mengambil bahagian.
Dalam talian	Menghendap, mengganggu atau mengancam secara berulang kali, mengugut melalui panggilan telefon, pesanan suara atau menghantar mesej di media sosial atau aplikasi telefon.

4.0

MENGAPA KEGANASAN RUMAH TANGGA BERLAKU?

Keganasan rumah tangga bukanlah suatu perbuatan yang berlaku secara tiba-tiba. Ianya terjadi apabila seseorang itu memilih untuk mengawal dan menguasai seseorang yang lain dan ia merupakan suatu **pilihan** yang dibuat oleh seorang pendera. Ia adalah suatu **kelakuan yang dipelajari**. Sikap yang biasa terdapat dalam kalangan pendera termasuk⁴:

- Mereka berasa berhak untuk melakukan sedemikian.
- Mereka percaya bahawa mereka patut ada kuasa dan mengawal pasangan mereka.
- Mereka percaya boleh terlepas daripada kelakuan tersebut.
- Mereka belajar daripada pengalaman bahawa dengan mendera, mereka boleh mendapatkan apa yang dimahukan.
- Mereka percaya bahawa kehidupan mereka mesti diutamakan.



⁴ <http://greenhillswomensshelter.net/blog/domestic-violence-2/what-causes-domestic-violence/>

Malangnya, keganasan rumah tangga masih kekal disebabkan oleh persepsi masyarakat atau mitos. Sebagai contoh:

Persepsi Masyarakat/Mitos	Realiti/Fakta
Suami mempunyai hak untuk lakukan apa yang mereka mahu dengan isteri mereka.	Perkahwinan atau perhubungan intim tidak memberi seseorang itu hak untuk melakukan keganasan fizikal atau emosi terhadap seseorang yang lain.
Isteri mesti tahu bagaimana untuk 'menjaga' suami. 	Berada dalam perkahwinan dan menyelesaikan permasalahan adalah tanggungjawab yang dikongsi bersama antara suami dan isteri.
Tiada siapa pun patut campur tangan dalam urusan rumah tangga suami isteri.	Keganasan rumah tangga adalah urusan masyarakat walaupun melibatkan suami isteri.
Apa yang berlaku adalah salah isteri.	Pendera bertanggungjawab ke atas keganasan yang dilakukan dan hanya pendera sahaja boleh mengubah kelakuannya.
Mangsa boleh bila-bila masa berpisah daripada pendera.	Kebanyakan mangsa kekal dalam hubungan tidak sihat demi anak-anak untuk memastikan keluarga mereka tidak berpecah-belah. Kebergantungan kewangan juga adalah punca utama mangsa terpaksa meneruskan perhubungan tersebut.
Anak-anak memerlukan kedua-dua ibu bapa meskipun perhubungan itu ganas.	Terdapat kesan jangka panjang yang akan menjejaskan anak-anak dalam keluarga yang kerap berlaku keganasan.
Pendera yang ganas akan bersikap ganas dalam semua perhubungan mereka.	Kebanyakan pendera nampak bertimbang rasa dan sopan di khalayak umum.

Sikap dan persepsi masyarakat terhadap keganasan rumah tangga mesti diubah jika kita mahu menghentikan keganasan rumah tangga.


5.0

BAGAIMANA KEGANASAN RUMAH TANGGA BERLAKU?

Kitaran Keganasan

Kitaran keganasan merupakan satu model yang dibentuk untuk menjelaskan kesukaran dan kewujudan penderaan dengan tingkah laku penyayang dalam sesuatu hubungan. Model ini dapat membantu mereka yang tidak pernah mengalami keganasan rumah tangga untuk memahami bahawa memutuskan kitaran keganasan jauh lebih rumit daripada “keluar” atau meninggalkan pendera⁵.

Terdapat tiga fasa dalam kitaran keganasan: (1) Fasa Ketegangan, (2) Fasa Letupan/Keganasan Teruk, dan (3) Fasa Sesalan/Bulan Madu. Tanpa intervensi, tahap penderaan akan cenderung untuk meningkat dari masa ke semasa.



⁵ Dipetik daripada Lenore Walker, The Battered Woman, 1979 <https://www.dvac.org.au/wp-content/uploads/2015/06/Cycle-of-Violence.pdf>



Fasa 1: Ketegangan

Dalam fasa ini, penderaan dalam bentuk yang kurang parah berlaku. Mangsa selalunya dapat merasakan ketegangan yang berlaku dan cuba untuk “berbaik” dengan pendera bagi mengelakkan berlakunya penderaan. Mangsa akan mengurangkan kejadian-kejadian kecil dan juga menyalahkan diri sendiri atas kelakuan pendera. Mangsa juga mungkin tidak mengakui bahawa ketegangan itu boleh berubah kepada keganasan walaupun keadaan seperti itu pernah berlaku.

Fasa 2: Letupan/Keganasan Teruk

Kemarahan pendera meningkat secara mendadak. Kecederaan parah boleh berlaku akibat daripada keganasan tersebut. Mangsa selalunya rasa terkejut dan tidak percaya bahawa kejadian itu telah berlaku. Biasanya, mangsa dan pendera percaya kepada mitos bahawa pendera tidak dapat mengawal kemarahannya.



Biasanya, mangsa hanya akan mendapatkan bantuan atau membuat aduan rasmi kepada pihak polis atau pegawai kebajikan masyarakat ketika fasa ini.

Fasa 3: Sesalan/Bulan Madu

Pendera menyesal dan berjanji akan berubah. Pendera boleh menjadi seorang yang penyayang dan memberi hadiah sebagai salah satu cara untuk memohon maaf. Pendera cuba merasionalkan kejadian ganas yang berlaku dan menyalahkan mangsa sebagai penyebab penderaan. Pendera membuatkan mangsa rasa bersalah dan kasihan terhadapnya. Mangsa percaya bahawa pendera akan berubah. Tingkah laku pendera yang berubah buat sementara waktu, menguatkan mangsa untuk meneruskan perhubungan tersebut.



Seringkali terjadi, mangsa ingin menarik balik aduan atau laporan polis ketika fasa ini.

Perlu diambil perhatian bahawa kitaran keganasan tidak semestinya wujud dalam semua perhubungan yang ganas. Di samping itu juga, ketiga-tiga fasa tersebut mungkin berbeza dari segi tahap keparahan dan juga jangka masa untuk setiap fasa.

Memutuskan Kitaran Keganasan

Langkah yang paling sukar untuk mangsa keganasan rumah tangga ialah memutuskan kitaran keganasan.

Untuk memutuskan kitaran keganasan, seseorang mangsa itu perlu menerima kenyataan bahawa dengan meneruskan perhubungan tersebut, keganasan akan menjadi satu kelaziman yang boleh membahayakan diri dan anak-anaknya. Mangsa perlu percaya bahawa hidup tanpa keganasan adalah lebih baik untuk diri dan anak-anaknya. Mangsa memerlukan sokongan dari segi emosi dan kewangan.

Jika pendera berniat untuk memutuskan kitaran keganasan, maka dia sendiri harus membuat keputusan untuk mengubah kelakuannya. Ini termasuklah menukar sikapnya terhadap mangsa, menangani kemarahan, meningkatkan kemahiran komunikasi (misalnya mendengar dan bercakap) dan tidak bergantung kepada paksaan atau keganasan dalam perhubungannya.

6.0

MENGENAL PASTI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan mangsa tidak melaporkan keganasan rumah tangga mahupun berbincang secara terbuka tentang permasalahan yang berlaku dalam rumah tangga mereka. Mereka juga mungkin menafikan yang mereka mengalami keganasan rumah tangga. Sememangnya bukan mudah untuk mengenal pasti mangsa keganasan rumah tangga sekiranya mereka tidak mendedahkan kejadian atau permasalahan yang berlaku terhadap diri mereka.

Namun, terdapat beberapa tanda yang seseorang itu adalah mangsa keganasan rumah tangga.

Ini termasuk:

- **Kecederaan fizikal** seperti luka dan lebam yang jelas pada lengan, kaki atau muka
- **Tanda-tanda tekanan emosi** seperti kemurungan, keresahan, kurang keyakinan diri atau dalam ketakutan
- **Tanda-tanda tingkah laku** seperti mengasingkan diri, kerap menangis, mudah menjadi gelisah, mengelak apabila ditanya tentang kecederaan pada dirinya, atau kerap meminjam wang daripada orang lain
- **Tidak hadir kerja atau prestasi kerja yang lemah** akibat tekanan atau kecederaan yang dialami



Sesetengah mangsa mungkin akan bertanya tentang cara orang lain mengendalikan pertengkaran dalam rumah, tetapi menafikan bahawa perkara yang sama sedang berlaku dalam rumah tangga mereka sendiri. Ada juga mangsa yang mungkin bertanya cara untuk mendapatkan bantuan dan sokongan 'untuk rakan mereka' yang mengalami keganasan di rumah.

Kadang kala anak-anak yang menyaksikan keganasan di rumah adalah pihak yang akan mendedahkan situasi keganasan rumah tangga. Mereka yang bekerja dengan kanak-kanak perlu peka kepada sebarang kelakuan yang menunjukkan tanda-tanda keganasan rumah tangga yang berlaku di rumah. Ini termasuk kelakuan agresif, kegelisahan, kemurungan, atau mengasingkan diri.

Anda perlu prihatin dan peka tentang cara untuk mendekati seseorang yang mungkin seorang mangsa keganasan rumah tangga.

7.0

MEMBANTU MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Apabila berurusan dengan mangsa keganasan rumah tangga, adalah penting untuk mempercayai mangsa, meyakinkan mereka dan menjelaskan kepada mereka tentang pilihan-pilihan yang ada untuk mereka.

Apa Yang Anda Boleh Lakukan

- **Cari ruang yang senyap dan sesuai supaya mangsa boleh bercakap dengan anda secara bersendirian.**

Mendedahkan keganasan rumah tangga adalah sesuatu perkara yang sukar bagi ramai mangsa. Mereka mungkin berasa segan sekiranya orang lain mengetahui tentang hal tersebut. Oleh yang demikian, apabila seseorang datang kepada anda untuk mendapatkan bantuan, anda perlu memberi jaminan kepadanya yang kerahsiaan maklumat akan dipelihara dan dia tidak perlu risau sekiranya ada yang mendengar perbualan tersebut.



- **Pastikan mangsa selamat.**

Periksa keadaan sekeliling. Jika mangsa keganasan rumah tangga dikejar atau diikuti oleh seseorang apabila dia datang kepada anda untuk bantuan, anda perlu terus membawanya ke balai polis demi keselamatannya. Mangsa tidak dapat bercakap atau berfikir dengan baik sekiranya berada dalam ketakutan.

- **Percayakan mangsa dan beri sokongan. Yakinkan mangsa bahawa apa yang berlaku bukan salah mereka.**

Apabila mangsa berasa yang dia tidak dipercayai, dia tidak akan mendedahkan kejadian yang berlaku dan peluang anda untuk membantunya dan mungkin juga anak-anaknya, akan hilang. Ada kalanya mangsa mungkin menyalahkan diri sendiri. Anda perlu mengingatkan mereka bahawa tiada siapa yang layak didera dan tiada sebab untuk keganasan berlaku dalam rumah tangga.

- **Kenal pasti perancangan mangsa dan pertimbangkan jika anda boleh membantu mangsa mencapainya.**

Kadang kala mangsa mungkin hanya mahukan seseorang untuk mendengar keluhannya atau mahu mengambil tindakan bagi menghentikan keganasan yang dihadapi. Ini termasuk mendapatkan seseorang untuk bercakap kepada pendera atau membuat laporan polis. Ingat, jangan paksa mangsa untuk melakukan sesuatu yang dia tidak rela lakukan.

- **Hormati keperluan mangsa untuk kerahsiaan.**

Kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga berasa malu dan segan kerana menjadi seorang mangsa keganasan rumah tangga. Ada mangsa yang merasakan diri mereka akan dipersalahkan kerana keganasan itu. Anda perlu menghormati kepercayaan yang telah diberikan oleh mangsa dan menjaga kerahsiaan tersebut dengan tidak berkongsi cerita atau butirannya dengan sesiapa pun. Ini juga akan membantu melindunginya daripada tindak balas daripada pendera atau orang ramai/komuniti.

- **Berikan maklumat tentang tempat, dan cara mendapatkan bantuan serta khidmat setempat yang boleh diperolehi.**

Sekiranya anda memberitahu mangsa untuk membuat laporan polis, pastikan mangsa mengetahui lokasi balai polis, cara untuk pergi ke sana dan cara membuat laporan polis. Sebarang maklumat dan bantuan yang diberikan haruslah praktikal.

- **Ambil tahu tentang latar belakang mangsa; masalah mungkin bercampur aduk dengan soal etnik, bahasa dan batasan budaya atau status kewarganegaraan mangsa.**

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 terpakai untuk semua orang tanpa mengira kewarganegaraan, etnik atau status imigresen. Anda perlu peka terhadap latar belakang seseorang. Jika seseorang individu tidak fasih dalam bahasa yang anda gunakan, cuba dapatkan seorang jurubahasa. Ingat, bercakap dengan nada kuat tidak akan meningkatkan pemahaman seseorang terhadap sesuatu bahasa itu.

- **Peka kepada keperluan mangsa dan bincangkan sebarang kesukaran yang dihadapinya untuk bertemu agensi khidmat masyarakat.**

Anda perlu ambil tahu keperluan mangsa atau ketakutan yang dirasainya. Sebagai contoh, mangsa mungkin tidak fasih dalam sesuatu bahasa atau dia mungkin risau tentang status imigresen atau dia mungkin malu untuk memberitahu orang lain berkenaan keadaannya atau dia segan untuk kembali kepada agensi dengan aduan yang sama dan sebagainya. Cuba tangani ketakutan dan perasaan yang mangsa lalui dengan sebaik mungkin.

- **Tawarkan bantuan untuk menemani mangsa ke balai polis, jika perlu.**

Tidak ramai orang yang rasa yakin untuk pergi ke balai polis. Seorang mangsa keganasan rumah tangga mungkin takut untuk pergi sendirian dan mungkin tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Dia juga mungkin tidak mempunyai kenderaan sendiri. Dengan menawarkan untuk menemani mangsa, secara tidak langsung anda akan memberikan sokongan kepadanya.

- **Jika mangsa memerlukan bantuan perubatan, bawa dia terus ke Jabatan Kecemasan dan Trauma di mana-mana hospital kerajaan.**

Sekiranya anda berasa mangsa cedera dan memerlukan bantuan perubatan, mangsa mesti dibawa ke hospital untuk rawatan kesihatan. Di samping itu, sebarang bukti fizikal penderaan perlu direkod sebaik mungkin kerana ia akan membantu siasatan polis dan proses di mahkamah jika dakwaan dibuat terhadap pendera.

- **Pastikan keselamatan mangsa di rumah, jika anda perlu menghubunginya di situ.**

Kadang kala anda perlu membuat lawatan susulan ke rumah mangsa untuk perkara berkaitan bantuan seperti sumbangan makanan atau maklumat berkaitan tempat perlindungan sementara. Penting untuk anda mempunyai cara untuk menghubunginya secara terus dan tidak menyampaikan maklumat kepada pendera secara tidak sengaja.

Apa Yang Tidak Boleh Dilakukan

Kadang kala walaupun dengan niat yang baik, orang yang ingin membantu mangsa keganasan rumah tangga mungkin mengatakan atau melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan keadaan mangsa menjadi lebih bahaya. Ini mungkin kerana orang yang ingin memberi bantuan tidak memahami maksud keganasan rumah tangga, isu kawalan pendera ke atas mangsa atau apa-apa yang dialami oleh mangsa. Berikut adalah beberapa perkara yang anda TIDAK boleh dilakukan semasa membantu mangsa keganasan rumah tangga.

- **JANGAN menyalahkan mangsa.**

Soalan seperti, “Apa yang telah kamu lakukan?” meletakkan kesalahan keganasan pada mangsa. Keganasan rumah tangga ialah penyalahgunaan kuasa dalam hubungan. Pelaku adalah orang yang bertanggungjawab atas keganasan terhadap mangsa. Perlu diingatkan bahawa mangsa datang kepada anda untuk bantuan. Menyalahkan mangsa dengan berkata, “Mengapa kamu cakap begitu? Patutlah dia naik marah!” akan menyebabkan mangsa bertukar fikiran dan anda akan hilang peluang untuk membantu mangsa untuk menghentikan keganasan dalam keluarganya.

- **JANGAN meremehkan keganasan yang berlaku atau mencadangkan kepada mangsa untuk memaafkan pendera atau bersabar dan cuba lagi.**

Keganasan rumah tangga adalah isu yang serius. Ia bukan sahaja menyebabkan kemudaratan fizikal dan emosi kepada seseorang, tetapi juga, dalam kes yang teruk, ia boleh menyebabkan kematian. Apabila keganasan rumah tangga bermula, ia akan terus meningkat sekiranya tindakan tidak diambil. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengenal pasti tanda-tanda awal keganasan rumah tangga dan mengambil tindakan untuk menghentikannya.

- **JANGAN membuat sebarang keputusan untuk mangsa atau mengharap mangsa untuk membuat keputusan dengan segera.**

Mangsa yang mencari bantuan mungkin dalam keadaan keliru atau ketakutan atau tertekan. Pastikan yang anda tidak membuat sebarang keputusan bagi pihaknya atau memaksanya untuk membuat keputusan dengan segera. Sentiasa beri mangsa pilihan yang boleh diambil dan kesan-kesan daripada pilihannya. Keputusan untuk memutuskan kitaran keganasan harus dibuat oleh mangsa sendiri. Berikan mangsa masa dan ruang untuk membuat keputusan.

- **JANGAN cadangkan pertemuan bersama antara mangsa dan penderanya.**

Keganasan rumah tangga adalah penyalahgunaan kuasa dalam hubungan apabila seseorang itu cuba untuk mengawal mangsanya. Usaha untuk menemukan pendera dengan mangsa boleh menyebabkan mangsa berasa lebih takut. Mangsa mungkin tidak akan bercerita tentang kejadian kerana takut akan pembalasan pendera di rumah.

Sekiranya mangsa meminta untuk mengadakan pertemuan dengan pendera, anda perlu merujuk mereka kepada kaunselor terlatih.

- **Jika mangsa telah meninggalkan rumahnya, JANGAN maklumkan lokasi baharu mangsa kepada sesiapa tanpa kebenaran mangsa.**

Mangsa selalunya hanya akan tinggalkan rumah kerana takut akan keselamatan dirinya sendiri. Lokasi baharunya mesti dirahsiakan bagi melindunginya daripada sebarang gangguan dari pendera, rakan-rakan atau keluarganya. Perlu diingat bahawa keganasan rumah tangga yang teruk boleh membawa kematian mangsa.



- **JANGAN cuba untuk berhadapan dengan pendera kerana ini mungkin akan memudaratkan lagi keadaan.**

Terdapat situasi di mana pendera mungkin menuduh anda memecah belahkan keluarganya, atau datang mencari isterinya dan mahu maklumat di mana isterinya berada. Dalam situasi ini, anda perlu bertenang dan jangan bertengkar dengannya. Jemput pendera untuk duduk dan dengar cerita daripada pihaknya pula. Anda perlu berhati-hati supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat yang mangsa telah berikan kepada anda. Sekiranya anda berasa terancam dalam apa-apa cara sekali pun, buat laporan polis dengan segera.

- **JANGAN cuba menasihatkan mangsa atau pendera jika anda bukan seorang pakar kaunselor terlatih.**

Peranan anda sebagai seorang *First Support Point* ialah memberi sokongan dan pertolongan kepada mangsa keganasan rumah tangga untuk mendapatkan bantuan daripada agensi yang berkaitan. Sila rujuk mangsa atau pendera kepada agensi atau badan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai kakitangan terlatih sekiranya anda tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam mengendalikan kes-kes atau situasi keganasan rumah tangga. Memberi maklumat yang salah boleh menyebabkan mangsa berada dalam keadaan yang lebih bahaya.

Bercakap Dengan Mangsa Keganasan Rumah Tangga Dan Membantunya

Memperkenalkan diri

- Hello, nama saya XXXX. Sila duduk.
- Bagaimana boleh saya bantu anda? Boleh anda beritahu saya jika anda ada masalah?
- Bagaimana boleh saya gelar anda? Apa boleh saya panggil anda?
- Saya nak beritahu yang apa sahaja yang anda beritahu saya akan dirahsiakan.

Mengenali kes

- Bolehkah anda beritahu saya lebih lagi tentang keadaan anda supaya saya boleh bantu dengan lebih baik?
- Jadi apa yang anda beritahu ialah “.....”
- Daripada apa yang anda dah cakap tadi, saya faham bahawa “.....”

Menilai keadaan

- Anda cedera ke? Boleh beritahu saya lagi macam mana anda boleh cedera macam itu? Anda dah jumpa doktor?
- Anda nampak gementar. Boleh anda beritahu saya apa yang menakutkan anda?
- Anda takut nak balik rumah ke? Boleh anda beritahu saya sebab apa?
- Adakah anda mempunyai tempat untuk tinggal beberapa hari?
- Bolehkah keluarga anda bantu anda?

Mengambil tahu apa yang mangsa mahu lakukan

- Boleh beritahu saya apa yang anda nak buat?
- Anda nak bincang tindakan yang mungkin boleh diambil?
- Ini ada beberapa pilihan yang anda boleh pertimbangkan. Mungkin anda boleh buat laporan kepada Dan ini adalah perkara yang mungkin akan jadi sekiranya anda ambil tindakan seperti itu.

Mententeramkan dan memberi sokongan kepada mangsa

- Saya boleh nampak yang anda sangat sedih. Mesti ia menakutkan untuk anda.
- Kena maki macam itu memang amat menyakitkan.
- Ia boleh jadi mengelirukan untuk buat keputusan bila anda kena pertimbangkan banyak benda.
- Ya, tindakan anda untuk hentikan keganasan itu adalah tepat.
- Ya, keganasan rumah tangga memang menyalahi undang-undang.
- Tak ada seorang pun yang patut dipukul.
- Terima kasih kerana sudi berkongsi cerita anda dengan saya. Saya ada sini untuk anda.



Membuat rujukan kepada sesuatu agensi

- Saya rasa anda perlukan bantuan daripada XXXX. Ini nombor yang boleh dihubungi. Boleh anda hubungi mereka atau pergi jumpa mereka sendiri? Anda perlukan bantuan ke untuk pergi ke sana?
- Anda ada ahli keluarga atau kawan yang boleh temankan anda pergi ke XXXX?
- Anda mahu tak kalau saya temankan anda ke XXXX?
- Kalau anda izinkan, saya boleh hubungi XXXX untuk bantu anda.

8.0

MENDAPATKAN BANTUAN UNTUK MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT)

Pada tahun 1994, kerajaan Malaysia mengisytiharkan keganasan rumah tangga sebagai isu awam yang serius dan menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT). Di bawah AKRT, mangsa keganasan rumah tangga boleh mendapatkan perlindungan daripada terus didera oleh pendera.

AKRT meliputi ahli keluarga terdekat termasuklah pasangan, bekas pasangan, pasangan *de facto*, anak-anak (termasuk anak angkat), orang dewasa dengan kelainan upaya fizikal atau mental, dan lain-lain orang yang dianggap sebahagian daripada keluarga tersebut. Lebih penting lagi, AKRT terpakai untuk semua orang, Islam dan bukan Islam, warganegara mahupun bukan warganegara.

AKRT dibaca bersama Kanun Keseksaan untuk pertuduhan yang dikenakan terhadap pendera. Pada tahun 2023, satu kesalahan baru iaitu kesalahan mengendap (stalking), Seksyen 507A, dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan. Berikut adalah seksyen yang berkaitan. Ramai pesalah keganasan rumah tangga telah disabitkan di bawah seksyen berkenaan.

Seksyen	Istilah Undang-Undang	Hukuman
321 & 323	Dengan sengaja menyebabkan cedera	Penjara maksimum 1 tahun / denda RM2,000 atau kedua-duanya
324	Dengan sengaja menyebabkan kecederaan dengan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang berbahaya	Penjara maksimum 10 tahun / denda / sebatan / mana-mana dua daripada yang di atas
322 & 325	Dengan sengaja menyebabkan cedera parah	Penjara maksimum 7 tahun dan denda
326	Dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah dengan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang berbahaya	Penjara maksimum 20 tahun dan denda / sebatan
326A	Menyebabkan kecederaan kepada pasangan, bekas suami atau isteri, kanak-kanak atau ahli keluarga yang lain	Dua kali ganda tempoh maksimum pemenjaraan
507A	Berulang kali mengganggu, berniat untuk menyebabkan atau mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kesusahan, ketakutan atau kecemasan kepada mana-mana orang mengenai keselamatannya	Penjara maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya

Mendapatkan Bantuan Daripada Agensi

Mendapatkan bantuan dan memberi perlindungan dan sokongan untuk mangsa keganasan rumah tangga memerlukan kerjasama beberapa agensi kerajaan (contohnya polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan hospital) dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO). Adalah penting untuk mengingatkan bahawa keganasan rumah tangga bukanlah isu agensi tunggal.



Sekiranya seorang mangsa keganasan rumah tangga datang kepada anda untuk pertolongan, anda boleh membantunya dan mengubah hidupnya dengan membawanya kepada agensi yang mempunyai kakitangan terlatih untuk menangani kes-kes keganasan rumah tangga. Lebih penting sekali, apabila membantunya, anda perlu dapat menilai jenis bantuan yang diperlukan oleh mangsa. Jika anda tidak pasti, hubungi Pusat Kesedaran Wanita (WCC) untuk mendapatkan nasihat.

Mangsa keganasan rumah tangga juga boleh terus pergi ke mana-mana agensi atau NGO tersebut untuk mendapatkan bantuan. Setiap agensi mempunyai protokol bagi mengendalikan masalah keganasan rumah tangga.



Adalah penting untuk membantu menghentikan keganasan yang dialami mangsa. Untuk ini, mangsa akan memerlukan bantuan daripada pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walaupun mangsa mungkin mahu keganasan itu dihentikan, dia mungkin tidak bersedia untuk membuat laporan rasmi kepada polis mahupun tindakan polis diambil terhadap penderanya. Namun, mangsa perlu dimaklumkan bahawa jika dia mahukan perlindungan daripada penderanya, dia mempunyai pilihan untuk membuat laporan polis dan mendapatkan perintah perlindungan interim terhadap pendera, atau dia boleh memohon untuk perintah perlindungan kecemasan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (*Rujuk mukasurat 26 & 27*).

Membuat laporan polis

- Mangsa boleh pergi ke mana-mana balai polis dan buat laporan polis.
- Dalam laporan polis, mangsa perlu jelaskan secara bertulis bagaimana pelaku telah menderanya. Terangkan kejadian itu dengan jelas, masukkan tarikh dan masa penderaan:
 - **Bila:** Bila ia berlaku? Nyatakan tarikh dan masa kejadian.
 - **Mana:** Di manakah ia berlaku - lokasi?
 - **Apa:** Apakah kejadian itu?
 - **Siapa:** Siapa yang terlibat dan siapakah pendera itu?
 - **Bagaimana:** Bagaimanakah ia berlaku?
 - **Kesan:** Apakah kesannya terhadap mangsa selepas kejadian? Lebam, cedera, dll.
 - **Kenapa:** Kenapa laporan dibuat? Untuk perlindungan terhadap pendera, untuk tindakan polis, dll.

CONTOH LAPORAN POLIS

Bagi menjimatkan masa, mangsa boleh menulis atau menaip dan mencetak laporan terperinci sebelum ke balai polis. Hanya Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diterima untuk laporan polis. Jika mangsa tidak boleh bercakap atau menulis dalam mana-mana satu bahasa tersebut, dia boleh membawa seseorang yang boleh membantu dalam terjemahan.

Pada _____ (tarikh dan masa), semasa saya berada di _____ (alamat/lokasi), suami saya, _____ (nama dan KP) telah menendang dan memukul saya dengan tangannya. Akibat dari kejadian itu, saya luka di tangan kanan, kedua-dua kaki dan kepala saya juga bengkak.

Saya membuat laporan ini untuk perlindungan saya dan saya takut untuk pulang.

- Kaunter aduan polis akan mencetak sesalinan laporan polis untuk mangsa.
- Pegawai Polis bertugas di kaunter aduan kemudian akan merujuk mangsa kepada **Pegawai Penyiasat atau Investigating Officer** (IO) dalam Bahagian Siasatan Seksual, Wanita, dan Kanak-kanak (D11) dari Balai Polis Daerah di tempat mangsa membuat laporan.
- IO akan menemu bual mangsa untuk mendapatkan butiran terperinci kejadian. Ini dipanggil sebagai **kenyataan polis** yang akan digunakan untuk siasatan kes.
- IO akan memanggil pendera (suspek yang disyaki) untuk siasatan dan rakaman kenyataan.
- IO kemudian akan menyerahkan kertas siasatan kepada Pejabat Pendakwaan Negeri yang akan memutuskan sama ada untuk menuduh atau tidak menuduh suspek untuk jenayah yang dilaporkan.
- Dalam keadaan di mana mangsa tidak mahu membuat laporan polis, cuba galakkannya untuk membuat laporan pengiring atau **cover report** pula. *Cover report* sama seperti laporan polis KECUALI di akhir laporan di mana mangsa akan menyatakan bahawa tujuan laporan tersebut adalah untuk rekod sahaja dan dia tidak mahu tindakan diambil terhadap pelaku tersebut. Laporan sebegini akan mendokumen kejadian keganasan rumah tangga tetapi tidak akan melibatkan proses siasatan.

Memohon Perintah Perlindungan Interim (IPO)

Perintah Perlindungan Interim (IPO – *Interim Protection Order*) ialah satu peruntukan penting dalam AKRT. IPO memberi perlindungan perundangan sementara untuk mangsa, anak-anaknya dan saudara maranya. IPO adalah perintah mahkamah untuk hentikan suami, ibu bapa atau saudara yang mendera daripada meneruskan kelakuan ganas terhadap mangsa. IPO adalah sementara dan sah selagi siasatan dijalankan oleh polis. IPO selalunya digunapakai sebagai penghalang yang kuat terhadap keganasan berterusan.



- Jika mangsa risau akan keselamatan dirinya atau anak-anaknya, atau menghadapi keganasan berterusan daripada pendera, dia mesti maklumkan kepada IO yang dia mahu mendapatkan IPO. Dia juga boleh meminta supaya IPO tersebut menyertakan anak-anaknya atau ahli keluarga yang lain yang juga risau akan keselamatan mereka.
- Jika IO berpendapat yang mangsa patut mendapat IPO, IO tersebut akan menyerahkan kepada mangsa satu surat rujukan yang mengesahkan bahawa kes tersebut adalah di bawah siasatan polis. Mangsa kemudiannya perlu membawa surat rujukan tersebut ke Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama dengan kad pengenalnya, kad pengenalan/surat beranak anak-anak, dan laporan perubatan kerajaan (jika ada). Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kemudiannya akan membantu mangsa memohon IPO di Mahkamah Majistret. Sesalinan IPO akan diberi kepada mangsa (rujuk bahagian di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di muka surat 27).
- Sekiranya mangsa mahu mengambil barang miliknya, tetapi terlalu takut untuk kembali ke rumahnya, dia boleh membuat permintaan kepada IO supaya ditemani oleh seorang pegawai polis untuk pergi mengambil barang-barangnya.

Apabila IPO dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret, polis akan menyerahkan IPO tersebut kepada pendera dalam tempoh 7 hari.

Memohon Perintah Perlindungan (PO)

Apabila siasatan polis selesai, IPO tidak lagi boleh diguna pakai. Jika pelaku dituduh di mahkamah dengan kesalahan keganasan rumah tangga, mahkamah boleh mengeluarkan Perintah Perlindungan (PO – *Protection Order*) untuk perlindungan mangsa. Mangsa perlu membuat permintaan tersebut kepada IO dan Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Syarat atau peruntukan tambahan boleh dimasukkan dalam PO, seperti menghalang pendera daripada memasuki rumah mangsa atau tempat kerjanya, atau menjaga jarak sekurang-kurangnya 50 meter daripada mangsa. PO boleh memberi perlindungan sepenuhnya kepada mangsa sehingga setahun.

Jika PO dilanggar, mangsa patut membuat laporan kepada polis dengan segera.

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh membantu mangsa keganasan rumah tangga melalui beberapa cara. Sekiranya mangsa membuat aduan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka akan:

- memberikannya kaunseling,
- menggalakkannya untuk membuat laporan polis,
- menggalakkannya untuk dapatkan pemeriksaan perubatan di Pusat Krisis Bersepadu (OSCC – *One Stop Crisis Centre*) di hospital kerajaan jika perlu,
- membantunya dengan permohonan IPO,
- membantunya dengan permohonan PO jika pendera dituduh,
- mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO – *Emergency Protection Order*),
- menyediakan tempat perlindungan sementara jika perlu,
- menyediakan bantuan kewangan jika perlu, dan/atau
- merujuknya ke agensi yang berkaitan untuk tujuan tertentu.

Bantuan dengan permohonan Perintah Perlindungan Interim (IPO)

1. Dengan surat rujukan untuk IPO daripada polis, Pegawai Kebajikan Masyarakat akan membantu mangsa keganasan rumah tangga memohon IPO di Mahkamah Majistret.
2. Pegawai Kebajikan Masyarakat akan membuat temu janji untuk ke Mahkamah Majistret bersama dengan mangsa untuk memohon IPO.
3. Di Mahkamah Majistret, mangsa akan ditemu bual oleh majistret tentang kesnya.
4. Sekiranya pihak Mahkamah Majistret berpuas hati bahawa mangsa memang memerlukan IPO, majistret akan mengeluarkan IPO kepada mangsa. Setiap agensi yang terlibat, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan polis, juga akan menerima satu salinan IPO, dan polis akan serahkan sesalinan IPO kepada pendera.
5. Jika pendera terus mengganggu mangsa, mangsa boleh membuat satu lagi laporan polis dan meminta IO untuk mengambil tindakan selanjutnya. Jika IPO masih sah, maka tindakan boleh diambil terhadap pendera kerana melanggar IPO atau ingkar perintah Mahkamah.

Pengeluaran Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)

1. Jika mangsa memerlukan perlindungan dengan segera, dia perlu maklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terdekat.
2. Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa akan menemu bual mangsa, mengisikan borang yang berkaitan untuk mangsa, dan mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO – *Emergency Protection Order*) kepada mangsa. Laporan polis tidak diperlukan dalam permohonan EPO.
3. Setiap EPO akan sah untuk 7 hari sahaja dan tidak boleh diperbaharui. Mangsa boleh buat keputusan untuk tindakan seterusnya dalam tempoh 7 hari tersebut. Fungsi EPO adalah sama seperti IPO dan PO, dan jika dilanggar pendera boleh dihukum.

Untuk maklumat lanjut tentang EPO sila rujuk [http://www.wccpenang.org/01important/laws/Domestic-Violence-\(Amendment\)-Act-2017.pdf](http://www.wccpenang.org/01important/laws/Domestic-Violence-(Amendment)-Act-2017.pdf)



1. Jika mangsa cedera, dia perlu dibawa ke Jabatan Kecemasan & Trauma hospital kerajaan terdekat untuk rawatan perubatan. Mangsa akan dirawat dalam bilik persendirian dipanggil Pusat Krisis Bersepadu (OSCC – One Stop Crisis Centre)*.
2. Jika terdapat kaunter atau pondok polis, mangsa perlu memaklumkan kepada pegawai polis yang dia adalah mangsa keganasan rumah tangga yang mendapatkan rawatan perubatan. Polis akan memberikan mangsa Borang 59 untuk doktor catatkan kecederaan yang dialami oleh mangsa.
3. Pihak hospital akan menyediakan laporan perubatan, iaitu dokumen rasmi untuk kecederaan yang dialami. Ia adalah rekod perubatan yang boleh digunakan sebagai bukti dalam mahkamah sekiranya kes tersebut dibawa ke mahkamah.

**OSCC disediakan di semua hospital kerajaan di seluruh negara. Di Pulau Pinang terdapat enam OSCC di hospital besar dan daerah. Apabila mangsa pergi ke OSCC, dia boleh mendapatkan bantuan daripada polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Kesedaran Wanita (WCC) yang bekerjasama dengan hospital-hospital di Pulau Pinang.*

Jabatan Agama Islam

AKRT terpakai untuk semua orang, termasuk Islam dan bukan Islam.


Apabila mangsa keganasan rumah tangga beragama Islam terpaksa meninggalkan rumahnya untuk keselamatan, dia mesti memaklumkan Jabatan Agama Islam yang dia telah meninggalkan rumah perkahwinan dan sebab atas tindakan tersebut.

Keselamatan dan kesejahteraan adalah diutamakan. Dia boleh membuat aduan dengan Jabatan Agama Islam setelah membuat laporan polis, atau selepas dia menjalani pemeriksaan perubatan. Jabatan Agama Islam akan merekod aduannya dan menghubungi pendera untuk tujuan kaunseling pasangan untuk pendamaian, jika perlu.

Badan Bukan Kerajaan (NGO - *Non-Governmental Organisation*)

Kadang kala mangsa keganasan rumah tangga mungkin tidak bersedia untuk membuat laporan polis terhadap penderanya. Dia mungkin memerlukan sedikit sokongan dan kaunseling sebelum membuat laporan. Terdapat pelbagai NGO yang boleh membantu dan memenuhi keperluan mangsa keganasan rumah tangga.

Pusat Kesedaran Wanita (WCC) adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan khusus untuk membantu wanita dan kanak-kanak yang menghadapi keganasan rumah tangga dan/atau jenayah seksual. Mereka bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga.



Mendapatkan bantuan daripada WCC

WCC boleh memberi sokongan kepada mangsa dengan beberapa cara:

- Memberi kaunseling segera kepada mangsa yang sedang melalui krisis.
- Menemani mangsa ke balai polis, hospital, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, jika perlu. Sekiranya kes dibawa ke mahkamah, WCC boleh memberi sokongan mahkamah.
- Merujuk mangsa dan anak-anaknya ke tempat perlindungan sementara.

Untuk maklumat lanjut tentang WCC, sila rujuk <http://www.wccpenang.org/domestic-violence-getting-help-m/>

Bantuan Guaman

Terdapat kes di mana mangsa keganasan rumah tangga memilih untuk meninggalkan perkahwinannya, melalui perpisahan secara sah atau perceraian, dan memerlukan nasihat perundangan. Mereka boleh mendapatkan nasihat guaman daripada Jabatan Bantuan Guaman atau Pusat Bantuan Guaman.



SENARAI AGENSI DI PULAU PINANG

AGENSI	ALAMAT	NO TELEFON
Balai Polis		
Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang	Jalan Penang, 10760 Pulau Pinang.	04-222 1522
Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut	Jalan Patani, 10150 Pulau Pinang.	04-218 1822
Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya	Jalan Hilir Sungai Burung, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.	04-866 2222
Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah	3 Jalan Perda Utama, Bandar Baru Perda, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai.	04-538 2222
Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara	Jalan Bertam 1, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai.	04-576 2222
Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan	Jalan Serindit, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai.	04-585 8222
Hospital (Jabatan Kecemasan dan Trauma)		
Hospital Pulau Pinang	Jalan Resideni, 10400 Pulau Pinang.	04-222 5333
Hospital Balik Pulau	Jalan Sungai Pinang, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.	04-866 9333
Hospital Seberang Jaya	Jalan Tun Hussein Onn, 13700 Seberang Jaya, Seberang Perai.	04-382 7333
Hospital Bukit Mertajam	Jalan Kulim, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai.	04-549 7333
Hospital Kepala Batas	Jalan Bertam 2, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai.	04- 579 3333
Hospital Sungai Bakap	Jalan Besar Sungai Bakap, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai.	04-582 4333

AGENSI	ALAMAT	NO TELEFON
Jabatan Kebajikan Masyarakat		
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang	Aras 35, KOMTAR, 10564 Pulau Pinang.	04-650 5259
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut	Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama, 10460 Pulau Pinang.	04-226 4531
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya	Kompleks Pasar Awam, Bangunan MPP, Jalan Tun Sardon, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.	04-866 8442
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah	Tingkat 2, Wisma Hock Teik, 1778, Jalan Ciku, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai.	04-538 2584
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara	Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai.	04-575 8715
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan	Tingkat 1, Blok A, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Jawi Jaya 1, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai.	04-582 1798
Pejabat Agama		
Pejabat Agama Islam Daerah Timur Laut	Aras 34, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.	04-261 2979
Pejabat Agama Islam Daerah Barat Daya	Jalan Titi Teras, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.	04-866 8525
Pejabat Agama Islam Daerah Seberang Perai Tengah	Jalan Arumugam Pillai, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai.	04-538 6451
Pejabat Agama Islam Daerah Seberang Perai Utara (Butterworth)	Jalan Loader, Kampung Jawa, 12000 Butterworth.	04-310 2860
Pejabat Agama Islam Daerah Seberang Perai Utara (Kepala Batas)	Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai.	04-575 1182
Pejabat Agama Islam Daerah Seberang Perai Selatan	Jalan Serindit, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai.	04 582 1001

AGENSI	ALAMAT	NO TELEFON
Badan Bukan Kerajaan		
Pusat Kesedaran Wanita (WCC)	241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang.	04-228 0342 011-3108 4001
Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)	13 Lorong Sutera 6, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Seberang Perai.	04-398 8340 016-439 0698
Pertubuhan Kebajikan Sneham	—	1-800-22-5757
Than Hsiang Mitra Welfare Centre	No. 132, Jalan Sultan Azlan Shah, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	04-642 9429 04-645 1141
Befrienders Pulau Pinang	—	04-291 0100
Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	8875, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai.	04-575 5215
Pusat Kaunseling Agape (Cawangan Pulau Pinang)	CO-21-UP Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama, 10450 Pulau Pinang.	04-228 0709 017-499 4236
Persatuan Kesihatan Mental D'Home	66, Lintang Bukit Jambul, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	012-425 1600
Home Dynamics	93-1, Jalan Gurdwara, 10300 Pulau Pinang.	04-210 9927 04-210 9928
Bantuan Guaman		
Jabatan Bantuan Guaman	Aras 4, Bangunan Persekutuan, Jalan Anson, 10400 Pulau Pinang.	04-210 9100
Pusat Bantuan Guaman	No 21, Green Hall, 10200 Pulau Pinang.	04-261 7451

NOTA

ISBN 978-967-16908-2-6



241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang, Malaysia.

☎ +604-228 0342 📞 +6011-3108 4001

✉ wcc@wccpenang.org



13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang, Malaysia.

☎ +604-398 8340 📞 +6016-439 0698

✉ ppw@wccpenang.org

